

# Kit Siang pertikai desak Anwar undur

**Kuala Lumpur:** Pemimpin veteran DAP, Tan Sri Lim Kit Siang geli hati dengan desakan Pengerusi Perikatan Nasional (PN), Tan Sri Muhyiddin Yassin supaya Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim meletakkan jawatan susulan keputusan Pilihan Raya Negeri (PRN) di enam negeri kelmarin.

Kit Siang secara sinis mempertikaikan tindakan Muhyiddin yang dilihat sibuk meminta pemimpin lain meletakkan jawatan, sedangkan bekas Perdana Menteri itu tidak berani mengambil tindakan sama walaupun PN gagal mencapai sasaran untuk membentuk pentadbiran semua enam negeri pada PRN.

"Saya berasa geli hati dengan gesaan Muhyiddin yang meminta Anwar meletakkan jawatan. Namun beliau sendiri tidak meletakkan jawatan walaupun sebelum ini secara gah menyatakan PN boleh menang 5-1, jika tidak

6-0 dalam PRN.

"Tambah pula, adakah Muhyiddin meletakkan jawatan sebagai Timbalan Perdana Menteri apabila UMNO kehilangan majoriti dua pertiga di Parlimen buat pertama kali pada Pilihan Raya Umum Ke-13 (PRU13)," katanya.

## **Kejayaan besar PN**

Kelmarin, Muhyiddin yang juga Presiden BERSATU, mendesak Anwar dan Datuk Seri Ahmad Zahid Hamidi mengambil tanggungjawab moral dengan meletakkan jawatan sebagai Perdana Menteri dan Timbalan Perdana Menteri dengan serta-merta.

Beliau dilaporkan berkata, ia susulan kejayaan besar PN meraih sokongan pengundi Melayu dalam PRN, sekaligus menandakan gabungan itu adalah wadah utama politik bangsa Melayu masa kini.

PN meraih 146 kerusi Dewan

"Tambah pula, adakah Muhyiddin meletakkan jawatan sebagai Timbalan Perdana Menteri apabila UMNO kehilangan majoriti dua pertiga di Parlimen buat pertama kali pada PRU13"



Undangan Negeri (DUN) daripada keseluruhan 245 dipertandingkan, manakala Pakatan Harapan (80) dan Barisan Nasional (19).

Sebelum ini, Muhyiddin turut dilaporkan berkata, PN mampu menawan tiga negeri baharu dan kekal berkuasa di tiga negeri iaitu Kedah, Kelantan, Terengganu yang ditadbir gabungan parti itu jika 90 peratus pengundi Melayu keluar mengundi pada PRN.

Pada masa sama, Kit Siang turut mempersoalkan sama ada PN yang ditunjangi parti utama, BERSATU dan PAS akan diterajui pemimpin oktagonarian atau mereka yang berusia lingkungan 80 hingga 89 tahun pada PRU16.

Muhyiddin yang mengasaskan parti BERSATU bersama bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad pada 2016, kini berusia 76 tahun, sebaya dengan pemimpin utama PAS, iaitu Presidennya, Tan Sri Abdul Hadi Awang.